

HARI MINGGU BIASA KE-5 (C)

Yesaya 6:1-8; Mazmur 137 (138): 1-5. 7-8. R/ v. 1; 1 Korintus 15:1-11 (Versi Panjang)
Lukas 5:1-11

Tema: **RAHMAT ALLAH MENGAMPUNI DOSA KITA DAN MEMANGGIL KITA MENJADI RASUL**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-5, Tahun Liturgi C. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa rahmat Allah mengampuni dosa-dosa kita dan memanggil kita menjadi rasul!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa selepas mukjizat penjala ikan, Petrus sungguh kagum dan dia memberitahu Yesus supaya meninggalkannya sebab dia adalah orang berdosa; tetapi Yesus tidak meninggalnya, bahkan Yesus memberitahu dia supaya jangan takut dan memanggilnya menjadi penjala manusia, iaitu, menjadi rasul-Nya!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Petrus, Yakobus dan Yohanes, dan Andrias (NJB) bertindak dengan segera dan sepenuhnya atas panggilan Yesus menjadi rasul-Nya!

“Mereka pun meninggalkan segala sesuatu, lalu mengikut Yesus.” (Lukas 5:11; SM)

Berhadapan dengan rahmat Allah yang mengampuni dosa dan memanggil kita menjadi para rasul, hanya bertindak segera dan sepenuhnya adalah yang wajar!

Dan yang lebih penting lagi, misi kita sebagai para rasul tidak akan gagal, tetapi akan sukses; sebab ia bukan dari kita tetapi dari rahmat Allah! Dengan itulah mukjizat penjala ikan!

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai panggilan nabi Yesaya. Sekali lagi, Yesaya adalah seorang pendosa. Dia adalah seorang yang membibirkan perkataan dosa dan dia tinggal bersama-sama orang-orang yang membibirkan dosa!

Tetapi sekali lagi, Tuhan menyentuh bibirnya dengan bara yang diambil dari mezbah dengan sepit dan mengampuni dosanya dan memanggilnya menjadi nabi! Sekali lagi, Yesaya bertindak dengan segera dan sepenuhnya!

“Inilah aku. Utuslah aku!” (Yes 6:8; SM)

Sekali lagi, berdepan dengan rahmat Allah yang mengampuni dosa kita dan memanggil kita menjadi nabi-nabi, tindakan kita haruslah segera dan sepenuhnya!

Dan sekali lagi, misi kita sebagai para nabi tidak akan gagal, tetapi akan sukses; sebab ia bukan dari kita tetapi dari rahmat Allah!

3. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa Kebangkitan Yesus Kristus adalah suatu faktor sejarah dan bahawa iman kita dan penyelamatan kita bergantung kepadanya! Tetapi bacaan kedua yang dalam bentuk panjang juga memberitahu kita mengenai panggilan Santo Paulus.

Sekali lagi, Santo Paulus adalah seorang pendosa. Bahkan, dia adalah seorang yang menganiaya orang Kristian, tetapi sekali lagi, disebabkan rahmat Allah dia dijadikan rasul dan dia menjadi rasul yang paling keras bekerja! Dengan itu kita baca dalam bacaan kedua:

“Aku ini rasul yang paling tidak penting. Sebenarnya aku tidak layak disebut rasul, kerana aku sudah menganiaya jemaah Allah, aku menjadi seperti sekarang ini sebab berkat-Nya kepadaku tidak sia-sia. Sebaliknya aku bekerja lebih keras daripada semua rasul yang lain. Sebenarnya hal itu bukan usahaku sendiri, tetapi usaha Allah yang mengasihiku dan yang bekerja bersama-sama denganku.” (1 Kor 15: 9-10; SM)

Sekali lagi, misi Santo Paulus tidak akan gagal, walaupun dia harus mati, tetapi akan sukses; sebab itu bukan dari dia, tetapi dari berkat rahmat Allah!

4. Sekali lagi, berhadapan dengan rahmat Allah yang mengampuni dosa dan memanggil kita menjadi para rasul dan nabi-nabi, kita bersyukur kepada Allah! Mazmur antarbacaan hari ini adalah mazmur kesyukuran! Dengan itu sahutannya:

“Di hadapan para malaikat aku bermazmur bagi-Mu, ya Tuhan.” (Mzm 137 (138): 1; SM)

Iaitu, *“dihadapan para malaikat, aku memuji dan bersyukur kepadaMu, ya Tuhan”*.

Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama dan kedua (ayat 1-3) adalah "kesyukuran bagi pembebasan". Rangkap ketiga (ayat 4-5) adalah "doa bahawa seluruh bangsa-bangsa mengakui Yahweh". Dan rangkap keempat (ayat 7-8) adalah "penyataan keyakinan". (NJBC)

5. Hari ini dalam Misa Kudus, kita bersyukur kepada Allah kerana dua rasul yang besar, Petrus dan Paulus. Petrus menjadi Sri Paus yang pertama dan Paulus adalah rasul kepada orang-orang asing (yang bukan Yahudi), iaitu, rasul kepada seluruh dunia!

Hari ini kita memberi kesyukuran kepada Allah atas segala rahmat-Nya yang mengampuni dosa-dosa kita dan memanggil kita menjadi rasul-rasul-Nya. Dan kita mohon kepada Allah untuk membantu kita bertindak kepada panggilan-Nya dengan segera dan sepenuhnya. Dan kita yakin bahawa misi kita tidak akan gagal, tetapi akan sukses; sebab ia bukan dari kita, tetapi dari rahmat Allah! Sukacita dan berkat Minggu kepada kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Percayakah kamu bahawa rahmat Allah dapat mengampuni dosa-dosa kita, menghalang kita dari berdosa dan memanggil kita menjadi para rasul dan nabi-nabi Allah?
2. Percayakah kamu bahawa misi kita sebagai para rasul dan nabi-nabi tidak akan gagal, tetapi sukses; sebab ia bukan dari kita tetapi dari berkat rahmat Allah?
3. Adakah kamu bertindak dengan segera dan sepenuhnya kepada panggilan Allah untuk menjadi para rasul dan nabi-nabi-Nya?
4. Adakah kamu bersyukur atas segala anugerah Allah yang telah diberikan kepada kamu dan adakah kamu terus menerus memohon kepada Allah untuk memperolehi lebih banyak rahmatNya?
5. Adakah kamu menerima berkat rahmat Allah melalui iman dan doa? Adakah kamu menerima rahmat Allah melalui Sakramen-sakramen, khasnya Sakramen atas segala sakramen, iaitu, Ekaristi Kudus / Misa Kudus? Bolehkah kamu memanfaat atas rahmat Allah dengan melakukan pekerjaan baik pada undang-undang?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Sunday Missal (SM).